

Giat usaha perjelas dasar kerajaan: PM

Oleh Kadir Dikoh

BH - 6 APR 2001

KUALA LUMPUR, Khamis – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu Kementerian Penerangan bekerja kuat dan lebih profesional bagi memperjelaskan dasar kerajaan kepada rakyat, dengan memberi latar belakang yang tepat.

Perdana Menteri menegaskan, langkah itu penting kerana ada pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab cuba memutarbelitkan fakta untuk mengelirukan rakyat sehingga kerajaan dipersalahkan.

“Jika Kementerian Penerangan tidak berbuat demikian, akan berlaku salah tanggapan dan akhirnya kewibawaan kerajaan boleh terjejas,” katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan dan menemui kakitangan Kementerian itu di Angkasapuri hari ini.

Beliau sebelum itu diberi taklimat oleh Menteri Penerangan, Tan Sri Khalid Yaakob, diikuti Majlis Bersama Warga Kementerian Penerangan dengan Dr Mahathir memberi ucapan dan sesi soal jawab.

Hadir sama ialah Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Khalid Yunus; Setiausaha Parlimennya, Datuk Zainuddin Maidin dan Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan, Datuk Arshad Hashim. Sempena lawatan itu, Perdana Menteri turut melancarkan filem ‘Embun’.

Kementerian Penerangan bekerja kuat dan lebih profesional bagi memperjelaskan dasar kerajaan kepada rakyat kerana ada pihak tertentu cuba memutarbelitkan fakta untuk mengelirukan rakyat sehingga kerajaan dipersalahkan

Dalam ucapannya pada majlis itu, Dr Mahathir berkata, Kementerian Penerangan perlu berusaha memberi penjelasan bagi mengelak rakyat terkeliru dan akhirnya mempersoalkan keikhlasan kerajaan membantu mereka.

Beliau memberi contoh mengenai tanggapan salah sesetengah pihak terhadap Dasar Ekonomi Baru (DEB) kononnya ia cuma memberi keuntungan kepada segolongan kecil rakyat.

“Kalau kita membuat interpretasi berasaskan semata-mata kepada dua, tiga orang yang ternampak mendapat begitu banyak nikmat daripada DEB dan kita belakangkan segala usaha yang diberi kepada begitu ramai rakyat Bumiputera, maka ternampak DEB satu dasar yang tidak adil dan ia perlu dihentikan.

“Sebaliknya, jika DEB dihentikan ramai Bumiputera tidak akan mendapat pelajaran, biasiswa, lesen, permit, bantuan kewangan dan 1,001 macam lagi pe-

luang yang diwujudkan di bawah dasar itu,” katanya.

Beliau berkata, contoh itu jelas menunjukkan bahawa jika seseorang itu tidak memahami sesuatu dasar kerajaan, perkara yang baik boleh menjadi buruk dan perkara yang buruk boleh menjadi baik jika dilihat dari semua sudut.

“Kementerian Penerangan mempunyai tanggungjawab ini untuk memberi interpretasi dan gambaran sebenar mengenai apa yang berlaku dalam negara kita.

“Dunia mengakui bahawa Malaysia adalah sebuah negara membangun yang termaju sekali, mustahil kita dapat membangunkan negara kita dengan begitu pesat jika kita cuma menumpukan kepada dua, tiga orang yang mendapat begitu banyak habuan bagi diri mereka,” katanya.

Perdana Menteri mahu penerangan dan penjelasan kepada rakyat diberi secara seimbang iaitu mengenai kejayaan sesuatu

dasar serta masalah yang dihadapi.

“Jika kita berjaya menunjukkan kepada rakyat semua aspek negara kita secara yang sama, memberi perhatian kepada masalah dan kejayaan, mengimbangi antara kedua-dua itu, rakyat akan mendapat persepsi sebenar apa yang berlaku dalam negara dan hasil pemerintahan kita.

“Saya berharap benar Kementerian Penerangan memainkan peranan penting supaya kita dapat mengurangkan kekeliruan rakyat kerana ada pihak sengaja menonjolkan aspek buruk tanpa menarik perhatian kepada aspek lain yang begitu baik dalam negara kita,” katanya.

Dr Mahathir juga meminta supaya penerangan yang diberikan meliputi semua kaum agar mereka dapat melihat apa sebenarnya berlaku pada kaum mereka dan kaum lain.

“Di negara ini semua kaum mendapat layanan yang sama secara seimbang. Sebagai contoh, jika agama Islam menjadi agama rasmi, agama lain juga boleh dianuti oleh kaum lain.

“Begitu juga dengan bahasa Melayu walaupun ia menjadi bahasa kebangsaan, tidak ada halangan kepada kaum lain untuk terus mempelajari dan menggunakan bahasa mereka sendiri,” katanya.